

21/03/2001

Golongan muda Pas diminta jayakan perpaduan

SOAL pertemuan perpaduan Melayu yang dicadangkan di antara pemimpin Umno dan Pas dibangkitkan apabila sesi perbahasan sidang Dewan Rakyat dimulakan semalam dengan penyokong kerajaan dan pembangkang bertikam lidah mempertahankan pendirian masing-masing.

Ketika Mastika Junaidah Husin (BN-Arau) yang diberi penghormatan mencadangkan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, beberapa ahli pembangkang bangun.

Pembangkang cuba mempersoalkan kenyataan Mastika Junaidah bahawa Pas tidak ikhlas untuk mengadakan pertemuan yang dicadangkan itu kerana memberi pelbagai alasan serta syarat tertentu.

"Kita masih menunggu kesediaan Pas untuk menerima pelawaan mengadakan pertemuan itu dan membincangkan empat agenda seperti dikemukakan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Mohd Apandi Mohamad (Pas-Jeli) bangun dan bertanya kepada Ahli Parlimen Arau itu sama ada beliau sedar bahawa Pas sudah berpuluh kali meminta diadakan muzakarah dengan Umno selama ini, tetapi permintaan itu tidak dilayan.

Katanya, Umno hanya sanggup untuk bermuzakarah setelah seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) mencadangkan pertemuan perpaduan Melayu di antara Umno dan Pas.

Bagaimanapun, Mastika Junaidah menjawab bahawa Pas tidak ikhlas untuk menyahut pelawaan Umno itu kerana memberi pelbagai alasan dan syarat.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) turut bangun dan menasihatkan Mohd Apandi yang mewakili golongan muda dalam parti pembangkang itu supaya meyakinkan pemimpin atasan Pas untuk mengadakan pertemuan dengan Umno tanpa mengenakan sebarang syarat.

"Mengapa perlu ada syarat? Ini menunjukkan (Pas) tidak ikhlas. Di Terengganu, buang imam daripada Umno. Apakah itu perpaduan? Yang baik disediakan oleh Umno tetapi bila depa (Pas) masuk (memerintah Terengganu), ini menyebabkan perpecahan," katanya.

(END)